

Bil. (47) dlm. KKM-82/2/6

6 hb Mac, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan  
Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.5/1986**


**Perlaksanaan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah  
dan Kosmetik 1984 - Nasihat Dari Pakar-pakar**  
-----

Pekeliling ini bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada pegawai-pegawai pakar untuk memberi nasihat dalam pelaksanaan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.


2. Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 memerlukan semua ubat-ubatan dan kosmetik yang dipasarkan di negara ini berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang telah ditubuhkan. Sebelum sesuatu ubat atau kosmetik itu didaftarkan Pihak Berkuasa, hendaklah berpuas hati bahawa keluaran itu bermutu, berkesan dan selamat untuk digunakan. Urusetia kepada Pihak Berkuasa adalah ditempatkan di Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan Kementerian Kesihatan. Semua permohonan untuk pendaftaran akan dikaji oleh Urusetia sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa untuk diputuskan.

3. Dari semasa kesemasa Urusetia kepada Pihak Berkuasa mungkin memerlukan nasihat dari pegawai-pegawai pakar dalam kerja-kerjanya menilai satu-satu permohonan untuk pendaftaran. Saya berasa sukacita sekiranya tuan dapat meminta semua pegawai pegawai pakar memberi segala kerjasama dan pertolongan apabila diperlukan oleh Urusetia. Sila maklumkan perkara ini kepada semua pegawai-pegawai pakar.

Saya yang menurut perintah,

  
Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan  
YB Timbalan Menteri Kesihatan  
YB Setiausaha Parlimen  
Ketua Setiausaha  
Semua Ketua Bahagian



BAHAGIAN PERGIGIAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
TINGKAT 2, BANGUNAN M.M.A.,  
JALAN PAHANG,  
KUALA LUMPUR

43  
Telefon: 982266

Kawat: MINHEALTH, KUALA LUN

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:(53)d1m.KKM-60(186)

Tarikh: 21hb. Januari 1986

4  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,  
Kementerian Kesihatan,  
Jalan Cenderasari,  
Kuala Lumpur.


Y. B. Tan Sri,

Per: Senarai Tanggungjawab dan Tugas  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Diucapkan terima kasih keatas surat tuan (42)d1m.KKM-82/2/6  
bertarikh 16hb. Januari 1986 bersama-sama senarai tanggungjawab  
dan tugas Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia yang telah selamat  
diterima.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

  
(DR. ~~CHEONG~~ WENG HOON),  
Pmg. Pengarah Perkhidmatan Pergigian,  
Kementerian Kesihatan,  
Malaysia.

CWH/sms